

KAJIAN RINTIS BAGI PELAKSANAAN KOMPOSISI PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM YANG MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) MENERUSI PENDIDIKAN AKIDAH SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA

(Pilot Study Implementation of The Composition of Islamic Education Teachers Who Integrate High Order Thinking Skill (HOTS) in The Field of Aqidah for Primary Schools in Malaysia)

* Mohd Syaubari Othman¹, Ahmad Yunus Kassim¹

¹Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email: syaubari@gmail.com

Article History:

Submit: 29 January 2018

Accepted: 26 December 2018

Revised: 27 December 2018

Published: 31 December 2018

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 2, No. 2 (2018), 55-60

Abstrak

Pelaksanaan kajian rintis adalah mempunyai hubung kait dengan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Untuk itu menerusi kajian pelaksanaan komposisi pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di dalam mengintegrasikan KBAT telah dilaksanakan kajian rintis bagi menentukan dan mengesahkan instrumen yang telah dibina. Instrumen ini adalah terdiri daripada soal selidik, semakan pemerhatian dan protokol temu bual yang telah di ubahsuai oleh penyelidik bagi memastikan bertepatan dengan objektif yang ditetapkan. Kajian rintis ini dilaksanakan berdasarkan prosedur yang telah ditentukan dan memenuhi standard pengesahan instrumen menerusi tiga peringkat iaitu pembentukan, penstrukturan dan pengesahan. Bagi peringkat pertama, pembentukan soalan dilaksanakan menerusi penghasilan konstruk bagi setiap item. Seterusnya, semua item ini melalui ujian rintis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soalan. Bagi fasa terakhir, pengesahan setiap item adalah berdasarkan analisis faktor dan cronbach alpha yang dilaksanakan. Setelah selesai semua peringkat, kesemua item dapat dilaksanakan bagi kajian yang sebenar. Untuk dapatan keseluruhan telah menunjukkan proses pelaksanaan kajian rintis telah dilaksanakan mengikut metodologi yang ditetapkan dan memastikan hasil yang baik. Ini menunjukkan tahap kajian rintis yang dijalankan telah dapat membentuk kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen kajian dan boleh diteruskan pada kajian yang sebenar.

Kata kunci: KBAT, kesahan, kebolehpercayaan, guru pendidikan Islam.

Abstract

Implementation of the pilot study is related to the validity and reliability of the instrument. For that, through the study of the composition of the teaching of primary school Islamic teachers in integrating the HOTS, a pilot study was conducted to determine and validate the instruments that had been built. This instrument consists of questionnaires, observation checks and interview protocols that have been modified by researchers to ensure coinciding with the stated objectives. This pilot study is based on established procedures and meets the standard of instructional confirmation through three stages of formation, restructuring and validation. For the first stage, question creation is done through the constructs of each item. Next, all of these items go through a pilot test to determine the validity and reliability of the question. For the final phase, the confirmation of items is based on factor analysis and alpha cronbach implemented. Upon completion of all levels, all items can be implemented for a real study. For overall findings, the pilot review process has been implemented according to the established methodology and ensuring good results. This shows that the pilot study level has been able to establish the high reliability and reliability of the research instrument and can be continued on the actual study.

Keywords: HOTS, legality, reliability, Islamic education teacher

1.0 PENGENALAN

Kajian rintis dilaksanakan adalah bertujuan mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik yang dijalankan supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai (Uma Sekaran, 1992; Merriam, 2009). Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada konsistensi atau kestabilan data yang

diperolehi melalui pengumpulan data yang dijalankan (Neuman 2003; Noraini, 2010). Selain itu, tahap kebolehpercayaan kajian juga bergantung kepada konstruk dan kandungan item dalam soal selidik tersebut. Manakala, kesahan pula merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam terjemahan dan tindakan yang dilakukan terhadap skor-skor ujian (Neuman 2003; Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis, 2011)

Kajian rintis ini telah dijalankan kepada 30 sampel yang terdiri daripada guru pendidikan di sekitar daerah Manjung di negeri Perak bagi menjawab soal selidik kajian yang akan dijalankan. Bilangan ini adalah mencukupi bagi sesuatu kajian dalam bidang sains sosial (Creswell, 2009; Marohaini, 2013). Dalam kajian rintis ini, pengkaji memilih sekolah-sekolah rendah yang terdiri daripada sekolah di daerah Manjung di negeri Perak. Kajian rintis di pilih daerah Manjung disebabkan taburan sekolah yang merangkumi kategori sekolah bandar, luar bandar, pulau dan pendalaman. Ini memenuhi ciri-ciri yang sama dengan kajian ini yang melibatkan keseluruhan Malaysia. Pembahagian kategori ini bagi melihat sama ada terdapat dari sudut amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di kalangan guru pendidikan Islam

2.0 KONSEP PELAKSANAAN KAJIAN RINTIS

Di samping itu, pengkaji juga menjalankan kajian rintis dalam kajian kualitatif. Namun begitu, tujuan kajian rintis dalam kajian kualitatif adalah berbeza daripada kajian kuantitatif. Ini adalah kerana kajian rintis dalam kuantitatif adalah bertujuan untuk mengesahkan dapatan daripada instrumen yang telah disahkan kebolehpercayaannya, manakala dalam kajian kualitatif, pengkaji akan mendapat pengalaman, lebih bersedia dan fokus dengan setiap perkara yang diramalkan berlaku seperti elemen soalan-soalan baru dan suasana yang tidak dijangka yang muncul dalam temubual ketika menjalankan sesi temu bual yang sebenar (Barbara G. Tabachnick & Linda S. Fidell (2013).

Menerusi kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian rintis temubual berpandukan pendekatan temubual yang sama seperti mana dalam kajian sebenar kepada guru pendidikan Islam. Melalui kajian rintis ini, pengkaji mendapat gambaran secara umum tentang tahap pengamalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran akidah di sekolah dan bagaimana kaedah yang terbaik dapat dilakukan dalam memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran KBAT seperti yang telah ditetapkan (Chua, 2011; 2014). Soalan-soalan bagi temu bual untuk guru pendidikan Islam adalah seperti dalam lampiran yang disediakan

3.0 PROSES PELAKSANAAN BAGI SOAL SELIDIK

3.1 Peringkat Pembentukan Soalan

Penghasilan soalan dilakukan pada peringkat ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual di 4 buah sekolah bagi memastikan penghasilan soalan menepati kehendak amalan pengajaran guru pendidikan Islam. Pada peringkat ini pengkaji meneliti proses pengajaran daripada awal pengajaran sehingga tamat pengajaran. Kesemua sekolah yang ditinjau menggunakan masa 60 minit dengan 3 waktu seminggu. Proses penelitian ini dijalankan selama 2 minggu. Selepas 2 minggu penelitian dilaksanakan ke atas pengajaran guru pendidikan Islam, pengkaji berpendapat bahawa sekiranya kajian berdasarkan pelaksanaan amalan pengajaran guru bersandarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) beberapa tahap perlu di perincikan (Fraenkel, R.J. & Wallen, N.E, 2006; J. Pallant, 2010). Pengajaran ini melibatkan beberapa aspek yang perlu ditekankan bagi memastikan konstruk yang dibentuk adalah bertepatan dengan kehendak objektif kajian yang telah ditetapkan.

3.2 Peringkat Penstrukturan Soalan

Penstrukturan soalan ini dihasilkan setelah proses pembentukan telah diselesaikan. Untuk tahap ini pengkaji akan menyusun kerangka soalan berdasarkan kajian-kajian literatur dan instrumen yang telah dipilih untuk dijadikan penanda aras di dalam mengukur setiap konstruk yang terdapat di dalam kajian ini. penentuan kepada penyusunan soalan ini juga ditentukan oleh amalan pengajaran yang kebiasaan dilaksanakan oleh guru pendidikan Islam dan mengambil kira panduan pengajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengkaji juga meneliti dari aspek tatabahasa, kefahaman ayat dan kesesuaian ayat untuk difahami oleh sampel kajian.

3.3 Peringkat Pengesahan Soalan untuk kajian rintis.

Pada peringkat yang terakhir iaitu peringkat pengesahan soalan yang akan dikemukakan kepada keseluruhan sampel, pengkaji akan menggunakan khidmat nasihat pakar yang terdiri daripada pakar-pakar daripada universiti tempatan, institut pendidikan guru, jemaah nazir dan guru cemerlang. Pengesahan ini adalah bagi memastikan soal selidik yang diguna pakai adalah menepati kehendak konstruk kajian dan mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan baik. Apabila soal selidik ini diterima kembali oleh pengkaji, pengkaji akan membetulkan segala kesilapan dan kesalahan yang dilakukan berdasarkan panduan yang telah diberikan oleh pakar.

4.0 PROSEDUR PELAKSANAAN KAJIAN RINTIS.

4.1 Pra Kajian

Perancangan kajian dilaksanakan berdasarkan 4 ciri utama iaitu perancangan bentuk soalan, perancangan bahan, perancangan fizikal dan perancangan pengetahuan

1. *Perancangan bagi pembentukan soalan*

Menerusi perancangan yang dilakukan adalah melalui penyemakan kejelasan item-item, arahan dan susun atur soal selidik digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan item soal selidik berasaskan tahap kesesuaian item dan format jawapan. Menurut (Fraenkel et al, 2006; Hair, J.F. JR, Anderson et al, 2009; Mokhtar, 2011). Instrumen ini juga perlu meliputi keseluruhan konstruk yang terdapat di dalam item menerusi keselarasan objektif, kesesuaian dengan konsep kajian dan menepati tatabahasa yang betul.

2. *Perancangan bahan*

Bahan-bahan semasa kajian rintis lebih menekankan berkaitan suguhati atau ganjaran kepada guru-guru yang terlibat. Keperluan untuk memastikan setiap guru yang terlibat dapat menjawab soalan dengan penuh komitmen dan ikhlas kerana terdapat hampir 99 soalan yang perlu difahami. Sekiranya pendekatan ini tidak digunakan, kemungkinan terdapat soalan yang dijawab secara sambil lewa dan tidak sepenuhnya.

Pengesahan semua instrumen dilakukan oleh pakar yang terlibat terdiri daripada empat orang pakar konstruk (KBAT) dan amalan pengajaran guru serta tiga orang pakar dalam bidang metodologi kajian menyemak masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik mengenal pasti dan gugurkan item yang tiada kaitan dalam soal selidik agar bertepatan keadaan ketika kajian sebenar dilaksanakan

Menyenaraikan sekolah yang terlibat dengan mengemukakan surat permohonan untuk melakukan penyelidikan kajian rintis. Selepas diberikan kebenaran oleh pihak sekolah untuk melakukan penyelidikan, pengkaji akan mengenalpasti guru yang terlibat dalam kajian rintis iaitu bagi kajian kuantitatif sebanyak 30 orang manakala 2 orang bagi kualitatif

Menyiapkan borang untuk menganalisis dapatan kajian terutama bagi kajian kualitatif bagi mengukur tahap kesahan instrumen kajian pelaksanaan amalan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi dari aspek akidah. Penyediaan carta alir kajian rintis dan senarai semak berkaitan peringkat pelaksanaan bermula daripada pembentukan instrumen sehingga kepada penemuan dapatan kajian.

4.2 Semasa Kajian

Proses pelaksanaan kajian adalah melalui pembahagian kategori sekolah kepada dua peringkat iaitu sekolah luar bandar dan bandar. Pengkaji akan menetapkan masa berdasarkan kesesuaian guru pendidikan Islam dengan masa pengajaran bagi subjek pengajaran akidah. Hasil pelaksanaan semasa kajian rintis ini, pengkaji membahagikan kepada dua kategori

1. *Pelaksanaan Semasa Kajian (Kategori Sekolah Luar Bandar Dan Sekolah Bandar)*

Kajian rintis bagi sekolah-sekolah yang terlibat adalah menerusi pengkaji mengunjungi kesemua sekolah yang terlibat dan pada peringkat pertama adalah berjumpa dengan pihak pentadbir bagi memohon kelulusan berdasarkan surat yang telah disediakan. Proses yang seterusnya adalah berjumpa dengan ketua panitia bagi menentukan guru yang akan terlibat untuk menjawab soal selidik yang disediakan. Bagi sekolah ini, tidak semua guru pendidikan Islam kerana bagi setiap sekolah hanya 5 orang guru pendidikan Islam yang terlibat.

Pengkaji menerangkan tentang bagaimana prosedur di dalam menjawab soal selidik ini dan masa yang diperuntukkan adalah 30 minit dengan mengambil kira kesesuaian masa guru pendidikan Islam. Ini

agar tidak bertembung dengan masa PdP. Pengkaji mengutip soal selidik selepas guru menyiapkan semua soalan yang dikemukakan dan proses ini berjalan daripada pukul 8.30 pagi sehingga 11.00 pagi. Proses pelaksanaan bagi sekolah bandar dan luar bandar adalah sama dengan proses prosedur yang harus di ikuti. Pengkaji menyediakan cenderahati kepada kesemua guru yang membantu bagi menjawab soal selidik yang dikemukakan.

4.3 Pasca kajian

Selepas keseluruhan dapatan diperolehi, penyelidik menganalisis kajian rintis menggunakan kaedah yang sama iaitu menggunakan statistik SPSS. Selain itu, penyelidik juga menetapkan masa yang perlu untuk menjawab soal selidik serta kesesuaiannya. Apabila dapatan ubah suai/ singkirkan item yang mengelirukan menilai kemunasabahan pilihan item instrumen semak semula item yang tidak dijawab sama ada ia kurang sesuai

1. *Senarai Sekolah yang terlibat dengan kajian bagi peringkat pertama*

Sekolah Bandar	Sekolah Luar Bandar
SK Seri Samudera	SK Lekir
SK ACS Sitiawan	SK Sungai Tiram
SK Dato Seri Kamarudin	SK Batu 10, Lekir

2. *Senarai sekolah yang terlibat dengan kajian peringkat kedua*

SK Seri Manjung,
SK Sungai Wangi
SK TLDM 1
SK TLDM 2
SK Seri Bayu

5.0 PROSES ANALISIS DATA KAJIAN RINTIS


- a) Instrumen pengesahan pakar
- b) Faktor Analisis (EFA)
- c) Cronbach Alpha

Proses analisis data menggunakan beberapa ujian agar setiap item yang digunakan mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis data tersebut adalah menggunakan ujian Analisis Faktor (EFA) dan Cronbach Alpha (CA) dan selepas menganalisis menggunakan kedua-dua pendekatan tersebut, Setelah dapat diperolehi, terdapat beberapa pengubahsuaian yang perlu dilakukan yang melibatkan penguguran beberapa item disebabkan pertindihan di antara item-item tersebut. Proses ini bermula dengan 125 item dan dikurangkan kepada 99 item selepas diteliti oleh pakar dan bagi fasa terakhir, hanya 75 item dikekalkan berdasarkan analisis faktor yang dijalankan. Item-item ini menepati untuk pengukuran pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam melalui pengintergrasian KBAT di dalam pengajaran akidah sekolah rendah. Setelah itu barulah pengkaji akan meneruskan bagi peringkat kajian lapangan yang sebenar (Mohd Majid, 2005; Morse, 2011).

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN DARIPADA KAJIAN RINTIS

Berdasarkan kajian rintis yang dilaksanakan dan prosedur kesahan dan kebolehpercayaan, dapatan menunjukkan item-item soal selidik, semakan pemerhatian dan protokol temu bual dapat dilaksanakan berdasarkan beberapa pengubahsuaian yang perlu dilaksanakan. Terdapat beberapa item yang terpaksa digugurkan menerusi analisis EFA yang dilaksanakan dan perlu di semak semula bagi memastikan keseluruhan item yang digunakan pada kajian lapangan adalah item yang menepati kehendak permasalahan yang sebenar.

Proses pelaksanaan kajian rintis mengambil masa 8 bulan yang membabitkan pengesahan pakar, penentuan instrumen, ujian pra rintis, ujian rintis, analisis data kajian rintis dan pengesahan data bagi kajian lapangan. Keseluruhan proses kajian rintis ini dapat digambarkan berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1; Proses pelaksanaan Kajian Rintis

7.0 RUMUSAN

Pelaksanaan kajian rintis ini adalah permulaan pendedahan sebenar kepada penyelidik untuk meneruskan kajian ke peringkat kajian yang sebenar. Proses pelaksanaannya yang menetapkan beberapa kriteria yang perlu dipatuhi bagi memastikan dapatan yang dilaksanakan menepati prinsip kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan baik. Bagi kajian ini, pelaksanaan kajian rintis telah menghasilkan dapatan berbentuk instrumen yang dapat memastikan pengukuran bagaimana amalan pelaksanaan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT dapat dilaksanakan. Untuk itu, instrumen boleh digunakan bagi kajian lapangan yang sebenar.

8.0 RUJUKAN

- Barbara G. Tabachnick & Linda S. Fidell (2013). *Using Multivariate Statistics, 6th Edition* California State University, Northridge
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan- Analisis Data Skala Likert (Buku 3) Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik penyelidikan-Asas Statistik Penyelidikan (Buku 2) Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik penyelidikan-Ujian Univariat dan Multivariat (Buku 4) Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Cohen, J., Lawrence Manion and Keith Marrison (2011). *Research Method in Education (Seventh Edition)*. London ; Routledge, Francais and Taylor Group.
- Cresswell J. W. (2009). *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd Edition)*: SAGE, UK.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cronbach, L. J. (1946). Response sets and test validity. *Educational and psychological measurement* 672-683.
- Field, A. P. (2009). *Discovering statistics using SPSS*. London, England : SAGE.
- Fraenkel, R.J. & Wallen, N.E. (2006). *How to design and evaluate research in education*. 6th Ed. McGraw-Hill: Boston.
- Hair. J.F. JR, Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, WC (2009). *Multivariate data analysis with reading*. New Jersey ; Prentice Hall, Inc, Washington DC.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4rd Edition*, Crows West , New South Wales.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan kualitatif, pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur ; Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (3rd ed). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan Edisi ke 7*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Pendidikan. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

- Mokhtar. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*. Bandar Seri Bagawan ; Brunei.
- Morse, J. M. (2011). Molding qualitative health research. *Qualitative Health Research*, 21(8), 1019–1021.
- Neuman, W.L. (2003). *Social research method: qualitative and quantitative approaches*. Needham Height : Allyn and Bacon.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis (2011). *Analisis data dan pentaksiran dengan menggunakan SPSS*. Kuala Lumpur ; Titisian ilham.
- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi penyelidikan, teori dan praktis*. Bangi ; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business : A skill building approach (ed ke-2)*. New York : Wiley & Son, Inc.
- Wiersma, William. (2005). *Research methods in education: an introduction*. United States of America : A Pearson Education Company Needham Heights. MA.